

## Perdana Menteri Malaysia, Thailand adakan pertemuan

Februari 25, 2022



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersama Perdana Menteri Thailand Prayuth Chan o-cha pada Majlis Sambutan Rasmi Lawatan Perdana Menteri di Government House, Bangkok, hari ini. - Foto BERNAMA

BANGKOK: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, disambut dengan hamparan permaidani merah sebaik tiba di perkarangan pejabat Perdana Menteri Thailand, yang dikenali sebagai Rumah Kerajaan di sini, hari ini.

Ketibaan beliau disambut oleh rakan sejawatnya, Prayuth Chan o-cha sebelum sebelum lagu kebangsaan Malaysia serta lagu kebangsaan Thailand dialunkan, dan kedua-dua pemimpin memeriksa perbarisan kawalan kehormat.

Mereka kemudian mengadakan mesyuarat bersama bagi membincangkan isu berkaitan hubungan dua hala, kerjasama ekonomi dalam pelbagai bidang, di samping serantau dan antarabangsa.

Ismail Sabri dan Prayuth dijangka mengadakan persidangan media bersama selepas mesyuarat.

Perdana Menteri kemudian menghadiri majlis makan malam yang dihoskan oleh Prayuth di Rumah Kerajaan.

Ismail Sabri tiba di Bangkok semalam untuk memulakan lawatan sulung beliau ke Thailand selama tiga hari, sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kesembilan Ogos lepas.

Lawatan rasmi Ismail Sabri ini adalah sebahagian daripada lawatan pengenalannya ke negara di Asia Tenggara sejak dilantik sebagai Perdana Menteri, dan sebelum ini melawat Indonesia, Singapura, Brunei dan Kemboja.

Thailand kekal sebagai rakan dagang keenam terbesar bagi Malaysia di dunia dan kedua terbesar di dalam ASEAN, manakala Malaysia kekal sebagai rakan dagang keempat terbesar bagi Thailand di dunia.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Thailand mencatatkan peningkatan positif sebanyak 23 peratus dengan jumlah perdagangan bernilai RM97.97 bilion tahun lepas berbanding RM79.63 bilion bagi 2020. – BERNAMA